



## JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGAJIAN DI MASJID SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

#### **1. PENDAHULUAN**

Pada tahun ini dunia seluruhnya diuji dengan berlaku penularan wabak penyakit berjangkit bahaya yang dinamakan sebagai COVID-19. Memandangkan wabak pandemik COVID-19 belum berjaya ditangani dengan sepenuhnya walaupun kerajaan telah melaksanakan PKP dan PKPB.

Pada 7 Jun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan penamatan PKPB dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020. Ianya memberi lebih banyak kelonggaran untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian dengan mematuhi garis panduan tertentu. **Maka satu garis panduan pengajian di masjid, SDJ dan surau disediakan** bagi tujuan pelaksanaan dengan mengambil kira untuk mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 kembali meningkat.

## **2. TUJUAN**

Garis panduan pelaksanaan aktiviti pengajian di Masjid, Surau Diri Jumaat (SDJ) dan Surau dalam tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) COVID-19 ini disediakan adalah sebagai panduan masyarakat dalam negeri Perak untuk pengimarahannya di masjid, SDJ dan surau dalam tempoh PKPP akibat penularan COVID-19.

## **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.
- 3.2 Mengatur masyarakat agar mematuhi arahan PKPP COVID-19 bagi melaksanakan aktiviti pengimarahannya masjid, SDJ dan surau.
- 3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli jemaah masjid, SDJ dan surau.
- 3.4 Memenuhi dan memanfaatkan ruang waktu antara waktu solat Maghrib dan waktu solat Isyak.

## **4. TEMPAT DAN KAEDAH PELAKSANAAN**

- 4.1 Pengajian hanya dibenarkan di Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau.
- 4.2 Hanya Kuliah Maghrib dibenarkan dengan syarat jemaah mematuhi penjarakan sosial.
- 4.3 Kuliah Maghrib ditamatkan sebaik sahaja masuk waktu 'Isyak.
- 4.4 Dilaksanakan secara berperingkat dengan pelaksanaannya ditentukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak.

## 5. BILANGAN KEHADIRAN PENGAJIAN

Bilangan yang mengikuti pengajian tidak melebihi 40 **orang yang merupakan warganegara Malaysia sahaja** dan tidak termasuk Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah dan Surau.

## 6. PANDUAN PENGAJIAN MASJID DALAM TEMPOH PKPP

6.1 Mana-mana Jawatankuasa Kariah Masjid, SDJ dan Surau yang melanggar panduan ini akan diambil tindakan sewajarnya.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
<b>JAWATANKUASA KARIAH</b>			
1.	PENGAJIAN	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Memastikan tenaga pengajar memiliki tauliah mengajar Negeri Perak Darul Ridzuan.</li><li>ii. Memastikan tiada tenaga pengajar yang berumur 70 tahun ke atas mengajar.</li><li>iii. Tempat kuliah hendaklah diadakan di ruang solat utama. Sekiranya diadakan di bilik kuliah, panduan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM hendaklah dipatuhi.</li></ul>	<b>PENGURUSAN MASJID DAN SURAU DIRI JUMAAT</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNG JAWAB</b>
2.	<b>PENGAJIAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="521 310 1112 478">iv. Memastikan kedudukan jemaah penjarakan sosial sekurangnyanya (1 meter) sewaktu mengikuti kelas pengajian.</li> <li data-bbox="521 527 1112 695">v. Memastikan sesi pengajian dilaksanakan mengikut jadual dari kalangan tenaga pengajar yang sedia ada.</li> <li data-bbox="521 743 1112 863">vi. Menghubungi tenaga pengajar seperti di dalam jadual pengajian.</li> <li data-bbox="521 911 1112 1079">vii. Sekiranya tenaga pengajar tidak hadir, sesi pengajian tersebut bolehlah diisi oleh Imam yang bertugas.</li> <li data-bbox="521 1127 1112 1295">viii. Tidak dibenarkan menjemput tenaga pengajar atau penceramah dari luar negeri Perak.</li> <li data-bbox="521 1344 1112 1463">x. Semasa pengajian berlangsung pintu pagar sentiasa dipastikan berkunci.</li> </ul>	<b>PENGURUSAN MASJID, SDJ DAN SURAU</b>
3.	<b>PENGAJIAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="521 1549 1112 1675">i. Tiada amalan bersalaman dengan tenaga pengajar selepas pengajian.</li> <li data-bbox="521 1724 1112 1850">ii. Jemaah hendaklah mengamalkan penjarakan sosial sekurangnyanya 1 meter semasa kuliah dijalankan.</li> </ul>	<b>JEMAAH</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNG JAWAB</b>
<b>4.</b>	<b>PENGAJIAN</b>	i. Hendaklah mengadakan sesi kuliah sejurus selepas selesai bacaan doa. ii. Hendaklah mematuhi waktu mengajar yang telah ditetapkan.	<b>TENAGA PENGAJAR</b>
<b>5.</b>	<b>TABUNG MASJID</b>	i. Penggunaan tabung masjid bergerak di dalam masjid adalah tidak dibenarkan. ii. Bagi jemaah yang ingin menderma hendaklah menggunakan tabung derma yang ditentukan oleh pihak masjid.	<b>PENGURUSAN MASJID, SDJ &amp; SURAU DAN JEMAAH</b>

## **7. PENUTUP**

Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua masyarakat sama ada Jawatankuasa Kariah dan Surau, Pegawai Masjid dan Jemaah Masjid. Sebarang pelanggaran terhadap arahan dan tatacara ini akan dikenakan tindakan sewajarnya.

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
12 Jun 2020